

06 APR 1997

Mahathir-Pelaburan

DR MAHATHIR CADANG HUBUNGAN STRATEGIK USAHAWAN MALAYSIA-KUWAIT

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDARAYA KUWAIT, 6 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masanya telah tiba untuk ahli perniagaan dari Kuwait dan Malaysia mewujudkan hubungan strategik di peringkat global dan tidak sekadar bergantung kepada kerjasama ekonomi berasaskan hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata Kuwait juga boleh menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk ke pasaran ASEAN yang menawarkan peluang besar kepada mereka.

Beliau memberi jaminan bahawa menjelang tahun 2003, Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) akan menjadi kenyataan dan pada ketika itu, semua barangan keluaran negara-negara ASEAN hanya akan dikenakan tarif tidak melebihi lima peratus.

"Ahli perniagaan Kuwait bukan sekadar harus menerokai peluang yang terdapat di Malaysia, sebaliknya mereka mesti menganggap Malaysia sebagai lokasi strategik di rantau ASEAN," kata beliau pada majlis meraikan beliau oleh ahli-ahli perniagaan Kuwait dan Malaysia di sini.

Dr Mahathir tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari bagi menarik lebih ramai ahli perniagaan Kuwait ke Malaysia di samping untuk mengukuhkan hubungan yang terjalin antara kedua-dua negara sejak 34 tahun lepas. Negara yang kaya dengan minyak itu memiliki penduduk kurang daripada dua juta orang dengan lebih separuh daripadanya terdiri daripada pekerja asing.

Antara anggota delegasi seramai 50 orang itu ialah Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli, Pengerusi Land and General Bhd Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah. Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Affifuddin Omar.

Dr Mahathir berkata dengan kemasukan Vietnam ke dalam Asean, perkumpulan tujuh negara itu kini memiliki penduduk seramai 420 juta dan tujuh negara anggotanya - Filipina, Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei dan Vietnam - mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi tahunan antara tujuh hingga sembilan peratus.

Perdagangan di kalangan negara-negara Asean dalam tempoh Januari-Jun tahun lepas mencapai angka AS\$56.2 bilion dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kira-kira AS\$510.7 bilion, kata beliau.

Dr Mahathir berkata dasar-dasar Malaysia yang positif telah berjaya menarik pelaburan asing, khususnya dalam industri berasaskan eksport, yang membolehkan Malaysia muncul sebagai pengeluar dan pengeksport utama dunia bagi pelbagai jenis barangan seperti sarung tangan dan benang getah, alat pendingin hawa, semikonduktor dan peralatan audio visual.

Tahun lepas, Malaysia mengeksport barangan berjumlah AS\$18 bilion ke Amerika Syarikat sahaja, sebahagian besar daripadanya terdiri daripada barangan siap.

Beliau berkata sektor swasta Malaysia telah memberikan sokongan yang menggalakkan terhadap saranan kerajaan itu dan mewujudkan hubungan perniagaan dengan rakan-rakan perniagaan mereka di banyak negara termasuk di Afrika, Amerika Latin dan Asia yang membawa kepada bertambahnya aliran perdagangan dan pelaburan.

Katanya dasar-dasar Malaysia yang diwujudkan untuk menarik pelaburan tempatan dan luar, khususnya dalam sektor perkilangan, sentiasa disemak dari semasa ke semasa supaya ia lebih liberal, telus dan berkesan.

"Sungguhpun barangan buatan Malaysia memakai jenama asing, sebahagian besarnya dikeluarkan oleh syarikat kepunyaan rakyat Malaysia dan kini

banyak daripada syarikat terlibat mengeluarkan barangan jenama mereka sendiri. Daripada segi mutu, ia sama dengan barangan keluaran Pengeluar Peralatan Asal (OEM)," kata beliau.

Dr Mahathir berkata bagi melengkap dan mempertingkatkan hubungan perdagangan Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa, Labuan telah dijadikan sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir, yang dilengkapi dengan prasarana sokongan dan kemudahan yang diperlukan.

Satu pakej galakan menyeluruh telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang menempatkan ibu pejabat serantau mereka di Malaysia.

Dr Mahathir berkata kemunculan sistem perbankan Islam yang menyeluruh tidak syak lagi akan membawa dimensi baru kepada pasaran kewangan.

Bagaimanapun, beliau berkata sungguhpun Malaysia dianggap sebagai pemimpin dalam pelaksanaan sistem perbankan Islam, adalah sukar untuk mewujudkan satu pasaran pelaburan dan pasaran modal Islam di peringkat antarabangsa tanpa kata sepakat di kalangan cendekiawan Islam mengenai perkara itu.

"Tidak syak lagi bahawa sebahagian besar daripada bank-bank Islam berminat untuk terlibat dalam kegiatan pembiayaan projek, khususnya di negara-negara Asia Timur, di mana banyak projek besar sedang dilaksanakan," katanya.

Beliau juga berkata bahawa Pelan Induk Perindustrian Malaysia Kedua (IMP2 1996-2005) membuktikan komitmen Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Malaysia memerlukan pelaburan bernilai kira-kira AS\$100 bilion bagi mencapai matlamatnya untuk mempertingkatkan nilai sektor perkilangan kepada 38.4 peratus daripada KDNK negara menjelang tahun 2005.

Dr Mahathir juga berkata sejak hubungan antara Malaysia-Kuwait dimeterai, perdagangan dua hala telah meningkat dari setahun ke setahun daripada AS\$36.96 juta pada 1992 kepada AS\$107.68 juta tahun lepas, meningkat pada kadar 48 peratus setiap tahun.

Sungguhpun begitu, beliau berkata import Malaysia dari Kuwait dalam tempoh sehingga Disember tahun lepas berjumlah AS\$27.29 juta, merosot sebanyak 82.2 peratus berbanding AS\$68.51 juta pada tempoh yang sama pada 1995.

Import utama dari Kuwait ialah petroleum mentah, (94.5 peratus) dan sisa logam tembaga (tiga peratus).

Eksport Malaysia ke Kuwait tahun lepas berjumlah AS\$70.28 juta, meningkat 2.6 peratus berbanding tempoh yang sama pada 1995.

Eksport utama ke Kuwait terdiri daripada barangan elektrik dan elektronik (23.2 peratus) serta kayu dan barangan kayu (lima peratus).

Dr Mahathir berkata kehadiran ahli-ahli perniagaan terkemuka Malaysia di sini menunjukkan bahawa mereka berminat untuk memperkukuhkan hubungan dua hala.

Beliau berharap mesyuarat dan perbincangan perniagaan yang diadakan di antara mereka akan menghasilkan kejayaan. -- BERNAMA

ARA MZ RON